



**DOKUMEN SEBUT HARGA SEWAAN TAPAK EKSPO / KARNIVAL DI JALAN SULTAN YUSUF IZZUDIN
(HADAPAN KFC), LUMUT TAHUN 2025
SESI 1-2025**

**TARIKH PELAKSANAAN :
24.01.2025 HINGGA 16.02.2025 (24 HARI)**

Bil.	BAYARAN YANG PERLU DIJELASKAN			
1.	Perihal Bekalan / perkhidmatan dan syarat-syarat Khas	Unit Ukuran	Kadar / Tempoh	Jumlah (RM)
i.	Permit Khemah Sementara (13-unit khemah bersaiz 20'x20' dan 1-unit khemah bersaiz 20'x10' sahaja yang dibenarkan)	RM 430.00 / seunit 14 unit khemah sahaja (20'x20')	RM 430.00 /seunit x 14-unit khemah	RM 6,020.00
ii.	Bayaran Caj Tanggungan Kebersihan Persekutaran Selama 24 hari Lokasi: Jalan Sultan Yusuf Izzudin, Lumut	RM 576.00 / hari	RM 576.00 x 24 hari	RM 13,824.00
iii.	Permit Perniagaan Sementara	RM10.00 / Peniaga	RM 10.00 x 13 peniaga x 24 hari	RM 3,120.00
iv.	Bayaran Tong Sampah (1-unit Tong Kompektor)	1 Unit Kompektor (RM 150.00 / unit)	RM 150.00 x 1 Unit Kompektor x 24 hari	RM 3,600.00
Caj Kenaan Tetap (A)				RM 26,564.00

Syarikat perlu mengemukakan cadangan kadar sewaan yang kompetitif.

2.	Cadangan Kadar Sewaan Tapak Pihak Syarikat (B) <i>*Di isi oleh pembida</i>	RM
	Jumlah perlu dibayar (A + B) <i>*Di isi oleh pembida</i>	RM

Tandatangan :

Nama :

No. K.P. :

Tarikh :

No telefon :

Cap Syarikat :

**Syarat-syarat Penganjuran Aktiviti Ekspo / Karnival :**

1. Tidak menimbulkan kacau ganggu di kawasan perniagaan. **Waktu operasi mulai 10.00 pagi hingga 11.00 malam sahaja. Sebarang aktiviti nyanyian, muzik yang dijalankan hendaklah dihentikan sebelum jam 11.00 malam.**
2. Bilangan khemah yang dibenarkan untuk didirikan di tapak ekspo adalah **13-unit khemah bersaiz 20'x20' dan 1-unit khemah bersaiz 20'x10' sahaja. Setiap khemah perlulah mempunyai kanvas atau dinding di sisi kiri dan kanan khemah.**
3. **Aktiviti memasak dan penyediaan meja makan minum untuk pelanggan tidak dibenarkan sama sekali** dan aktiviti hendaklah dijalankan di tempat yang diluluskan sahaja.
4. Sekiranya permit perniagaan yang melibatkan makanan dan minuman, semua pengendali makanan dan pekerja diwajibkan menghadiri kursus pengendali makanan yang diiktiraf oleh Kementerian Malaysia atau Majlis dan mendapatkan suntikan tifod pelalian TY2.
5. Barang-barang jualan yang dibenarkan ialah yang bersesuaian dengan karnival dan **tidak dibenarkan menjual barang tiruan.**
6. Penjualan bunga api dan mercun adalah dilarang sama sekali.
7. Penganjuran **hiburan awam dan pertunjukan pentas (jika ada)** perlu mendapat kelulusan lesen hiburan awam daripada Pejabat Daerah Manjung.
8. Pemasangan kain rentang dan gegantung perlu mendapat kelulusan pihak Majlis dan mematuhi garispanduan lesen iklan sementara yang ditetapkan.
9. Meletakkan papan tanda lalu lintas secukupnya seperti lengongan,tanda AWAS dan kon keselamatan serta lampu amaran pada waktu malam dan sebagainya.
10. Pihak Majlis tidak bertanggungjawab sekiranya berlaku sebarang kejadian kecederaan atau kemalangan pengunjung yang datang ke tapak karnival.
11. Penganjur bertanggungjawab di atas keselamatan orang ramai semasa acara berlangsung dan membuat surat akuan pelepasan tanggungjawab Majlis Perbandaran Manjung sekiranya berlaku apa-apa kemalangan kepada pengunjung/orang ramai.
12. Sebarang syarat yang dikenakan adalah tertakluk kepada pindaan dasar dan polisi Majlis dari masa ke semasa.
13. Kerja-kerja pembersihan di keseluruhan tapak karnival adalah di bawah tanggungjawab penganjur dan wajib dilaksanakan **secara harian** sepanjang tempoh aktiviti karnival berlangsung. Diantara tanggungjawab penganjur adalah termasuk:-
 - 13.1. Kerja-kerja sapuan keseluruhan premis, jalan dan keseluruhan tapak karnival.
 - 13.2. Pihak Majlis hanya melaksanakan kutipan di Tong Kompektor sahaja.
 - 13.3. **Sila ambil maklum bahawa bayaran wang cagaran yang dikenakan adalah bagi memastikan tuan mematuhi syarat-syarat kelulusan Majlis. Sekiranya terdapat sebarang pelanggaran syarat seperti para 1 hingga 14, wang cagaran tersebut akan dirampas.**
14. Pihak Majlis Perbandaran Manjung boleh meluluskan penganjuran seperti ini di lokasi berhampiran dan tidak terikat dengan mana-mana penganjur.
15. **Pihak Majlis Perbandaran Manjung berhak membatalkan kelulusan ini dan menyenarai hitamkan permohonan tuan pada masa akan datang sekiranya pihak tuan gagal mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.**